

## TEKNIK FERTIGASI DALAM PERTANIAN MODEN DAPAT MENJANJIKAN PELAJAR PRA-VOKASIONAL KEMAHIRAN YANG BERDAYA SAING



Teknik Fertigasi adalah satu kaedah penanaman di mana baja (*Fertiliser*) diberi kepada tanaman melalui sistem pengairan (*Irrigation*) secara serentak. Ianya merupakan kaedah alternatif bagi menggantikan kaedah tradisional (konvensional) terutamanya bagi mengatasi masalah tanah (seperti tanah mati, tidak subur, masam, berbatu, tercemar dan lain-lain). Sistem ini juga lebih ekonomi dan praktikal untuk digunakan bagi sayur jenis buah seperti tomato, terung, lada, strawberi dan lain-lain. Sementara, medium yang biasa digunakan ketika mempraktikkan teknik ini ialah sabut kelapa atau sekam bakar (tanpa penggunaan tanah). Kaedah ini telah diamalkan di kalangan syarikat-syarikat pertanian di Negara Brunei Darussalam dan salah satunya ialah Syarikat ECO NADI AGROBIZ.

Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Birau Tutong merupakan sekolah pertama yang telah mempraktikkan kaedah Sistem Fertigasi bagi penanaman lada. Pembelajaran Teknik Sistem Fertigasi merupakan program khusus untuk pelajar-pelajar Program Pra-Vokasional di sekolah tersebut. Oleh itu, pihak sekolah telah menjalankan kerjasama dengan Syarikat ECO NADI AGROBIZ bagi sama-sama menjalankan Projek Pertanian Secara Moden Dengan Kaedah Sistem Fertigasi dengan Peruntukan Khas Program Pra-Vokasional 2015-2016. Tujuan projek ini adalah bagi mencari

alternatif lain (selain teknik tradisi) disamping menyediakan pelajar-pelajar Pra-Vokasional dengan kemahiran dalam bidang pertanian, pengurusan kewangan, pemasaran serta mampu menyemai nilai-nilai dan asas berkebudaya untuk menjana sumber pendapatan setelah mereka tamat Program Pra-Vokasional Tahun 11 itu nanti.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh pelajar-pelajar Pra-Vokasional ialah lawatan sambil belajar ke ladang Syarikat ECO NADI AGROBIZ yang bertempat di Kampong Bukit Udal, Tutong. Antara lain merupakan ceramah, perbincangan dan tunjuk ajar (*demo*) berkaitan dengan pelaksanaan Teknik Sistem Fertigasi.



**Tanaman Lada Hijau hasil yang diperolehi dari pelaksanaan Teknik Sistem Fertigasi**

Disamping pendedahan pelajar-pelajar kepada pelaksanaan Teknik Sistem Fertigasi, Guru 'Home Room' program Pra-Vokasional iaitu Cikgu Jones bin Luar telah mengikuti kursus di syarikat berkenaan bagi meningkatkan kemahiran yang ada untuk kepentingan pembelajaran pelajar-pelajar dalam penggunaan teknik tersebut. Menurut Cikgu Jones, "Dengan mengikuti kursus berkenaan, saya boleh mengenali dengan lebih lanjut apa dia Teknik Fertigasi. Selain itu,

saya diajar cara-cara pemasangan paip untuk berkebun, cara-cara menggunakan baja dengan betul, cara mengawal penyakit yang boleh merosakkan tanaman lada, cara memantau tanaman dari benih lada hingga berbuah dan lain-lain lagi.”



*Pelajar Pra-Vokasional Menimbang hasil lada hasil dari Teknik Sistem Fertigasi*

Dengan mengambil bahagian di dalam projek ini, pelajar-pelajar pra-vokasional di sekolah berkenaan dapat mempelajari asas kemahiran pertanian dan pengurusan seperti membaja, merawat, mengurus kewangan serta memasarkan hasil kebun. Bagi Awang Zahiruddin bin Anuar, pelajar Pra-Vokasional di sekolah berkenaan, “Kami diberi tanggungjawab untuk mengendalikan Sistem Fertigasi seperti menyukat baja, menghadkan masa, menyemai benih lada dan lain-lain. Disamping itu, kami diajar untuk menimbang, membungkus lada untuk dijual serta menyelenggarakan catatan keluar masuk wang bagi kitaran modal seterusnya.”

Manakala, bagi Awang Md. Jalaluddin bin Jali, seorang lagi pelajar Pra-Vokasional di sekolah tersebut menjelaskan, “Minat itu datang setelah kami dibawa melawat ke ladang Syarikat ECO Nadi Agrobiz. Selain melihat demonstrasi dari pengurus syarikat, Cikgu Jones juga banyak membantu dan memberi tunjuk ajar tentang pengendalian sistem ini

termasuk cara-cara berkebun hingga pemasangan buah lada. Saya berharap akan dapat meneruskan berkebun menggunakan kaedah Sistem Fertigasi kerana ianya boleh dikerjakan seorang diri tanpa memerlukan banyak buruh.”

Antara cabaran yang dihadapi selama projek ini dijalankan adalah tanaman perlu diawasi dan dipastikan mendapat sumber air dan baja yang mencukupi setiap hari, sementara Guru ‘Home Room’ perlu belajar lebih lanjut mengenai Teknik Sistem Fertigasi daripada orang yang lebih berpengalaman serta mengajarkannya kepada pelajar Pra-Vokasional secara berperingkat-peringkat. Antara lain pengawasan disiplin pelajar-pelajar adalah penting termasuk ketika penggunaan peralatan berkebun, mencuci tangan selepas berkebun dan sebagainya. Bukan itu sahaja, kesabaran ketika mendidik pelajar Pra-Vokasional juga perlu kerana keupayaan mereka yang sedikit terbatas. Oleh itu, Guru ‘Home Room’ perlu menerangkan dengan lebih jelas supaya mereka mudah memahami erti Sistem Fertigasi secara terperinci.

Projek yang seperti ini diharap akan dapat diteruskan kerana ianya amat bermanfaat bagi pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar pra-vokasional bagi memberikan mereka peluang bekerja sendiri untuk menjana pendapatan setelah mereka tamat persekolahan. Menurut Cikgu Jones, “ Pihak sekolah melalui Guru ‘Home-Room’ dan Syarikat ECO NADI AGROBIZ akan cuba bekerjasama untuk menilai bersama tentang keupayaan mereka sebelum mendapat atau diberi sesuatu bantuan untuk bertani menggunakan Sistem Fertigasi sekiranya ada pihak yang berkeinginan untuk membantu pelajar-pelajar lepasan Pra-Vokasional.”

**-Tamat-**